



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH - Rencana			
TARIKH	:	21/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KeTSA			

Fahami ekosistem tanah bencah, pelihara kelestarian habitat

BH (Rencana), 21
Jul 2021, 12



Profesor Madya di
Jabatan Kesihatan
Persekitaran dan
Pekerjaan, Fakulti
Perubatan dan
Sains Kesihatan,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Oleh Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Tanah bencah atau tanah lembap adalah kawasan darat yang tanahnya tertepu dengan air secara berkekalan atau bermusim yang kedalamannya tidak melebihi enam meter semasa air surut.

Tanah bencah wujud semula jadi mahupun buatan. Bentuk semula jadi seperti paya gambut, sistem sungai, dataran banjir, tasik semula jadi, rawang, paya bakau, dataran lumpur termasuk terumbu karang dan dasar rumput laut.

Bentuk buatan pula seperti sawah padi, parit, kolam lombong, kolam, takungan air dan tanah bencah buatan.

Tanah bencah menampung kepelbagaian biologi yang tinggi dan berperanan penting, hinggan dikenali 'buah pinggang' kepada bumi. Ia memberi pelbagai perkhidmatan ekosistem seperti sumber makanan, bekalan air, perlindungan ribut, pengawal banjir dan hakis, serta penuras air.

Tanah bencah turut membekalkan faedah ekologi amat besar seperti perikanan, pertanian, penghasilan kayu balak, sumber tenaga, sumber hidupan liar, pengangkutan, rekreasi serta peluang pelancongan.

Perlu diketahui, kira-kira 40 peratus spesies seluruh dunia tinggal dan membiak di kawasan tanah bencah dan lebih 200 jenis ikan baharu ditemui setiap tahun di sekitar tanah bencah darat.

Di peringkat antarabangsa, konvensyen antarabangsa mengenai tanah bencah iaitu Konvensyen RAMSAR ditandatangani di Ramsar di Iran pada 2 Februari 1971 dan mula berkuat kuasa 21 Disember 1975.

Ia menyediakan rangka kerja bagi tindakan peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa bagi penggunaan lestari dan pemuliharaan tanah bencah serta sumbernya.

Hingga kini, Konvensyen RAMSAR dianggotai 154 negara dengan cakupan 1,641 kawasan tanah bencah seluas 146 juta hektar, yang dikenal pasti sebagai tanah bencah RAMSAR.

Malaysia sendiri menyertai keahlian Konvensyen RAMSAR pada 1994. Ia diikuti pengisytiharan Tasik Bera sebagai tapak RAMSAR pertama. Habitat tanah bencah di Malaysia wujud semula jadi seperti Kuala Gula di Perak dan juga secara

buatan seperti Empangan Kenyir di Terengganu. Terkini, kerajaan mewartakan enam tapak RAMSAR meliputi keluasan berjumlah lebih 134,000 hektar. Ia meliputi Tasik Bera di Pahang, Kuching Wetlands National Park di Sarawak dan Lower Kinabatangan-Segama Wetlands di Sabah, serta tiga di Johor iaitu Sungai Pulai, Tanjung Piai dan Pulau Kukup.

Terbaru, Kota Kinabalu Wetlands ditetapkan sebagai tapak RAMSAR ketujuh negara. Semua ini dilindungi di bawah undang-undang perhutanan, taman negeri dan tanah sama ada sebagai hutan simpanan kekal, taman negeri atau kawasan perlindungan tanah bencah.

Realitinya, setiap kawasan tanah bencah ini mempunyai keunikan tersendiri. Tapak RAMSAR Tanah Lembap Kota Kinabalu (KK Wetlands) misalnya, unik kerana diiktiraf tapak RAMSAR paya bakau dalam kawasan bandar pertama di dunia.

Dalam berkeluasan 24 hektarnya, dapat ditemui 'berus mata buaya' dan 'kasut kuda prasejarah' yang bukan saja unik dari segi mama, malah dikategorikan terancam serta hampir pupus.

'*Bruguiera hainesii*' adalah spesies bakau unik kerana memiliki bentuk seperti mata buaya dan disenaraikan hampir pupus, serta sukar ditemui di mana-mana hutan bakau seluruh dunia.

Ketam kasut kuda atau horseshoe crab atau tepatnya belangkas (*Limulus polyphemus*) adalah spesies marin yang dikatakan berasal daripada zaman sebelum dinosaur boleh ditemui di sini.

Dianggarkan 90 spesies burung tempatan dan penghijrah boleh ditemui di sini termasuk Burung Botak (*Leptoptilos javanicus*) dan Burung Bangau Cina (*Egretta alophotis*) yang dikategorikan sangat terancam.

Disebabkan kedudukannya di kawasan bandar, kawasan RAMSAR ini sangat berpotensi untuk aktiviti pelancongan, pembelajaran dan rekreasi.

Di sudut lain pula, tanah bencah terus diganggu gugat. Ini kerana kawasan tanah bencah dilindungi hanyalah sebahagian kecil keluasan daripada yang direkodkan. Masih banyak tidak mempunyai mekanisme perlindungan khusus menyebabkan ancaman terhadap tanah bencah tetap wujud.

Antaranya penebusan atau penukaran tanah, pencemaran, eksploitasi berlebihan, ancaman spesies dan amalan akuakultur tidak mesra alam. Kepupusan tanah bencah memberi impak kemusnahan besar termasuk perubahan iklim.

Aktiviti pembangunan tanah sekitarnya serta pencerobohan haram, kini mengancam flora dan fauna RAMSAR. Antara terdedah ancaman ialah Tasik Bera. Kawasan ini diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan diuruskan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Keunikan tapak RAMSAR Tasik Bera, terdapatnya tasik semula jadi terbesar di Malaysia berkeluasan 6,800 hektar. Tasik seluas 35 kilometer (km) panjang dan 20km lebar yang mengalir ke Sungai Pahang melalui Sungai Bera adalah saliran utama air ke utara.

Habitat unik ini menampung sehingga 374 spesies tumbuhan, 94 spesies ikan, 230 spesies burung dan 67 spesies mamalia. Tasik Bera juga berperanan penting dalam mengawal banjir, mengurangkan pencemaran dan pembersihan air serta membekalkan pelbagai sumber asli bagi masyarakat.

Di sekitar Tasik Bera, terdapat kira-kira 3,000 penduduk Orang Asli Kaum Semelai yang mendiami 14 kampung, dengan 15 peratus bergantung hasil tapak RAMSAR ini untuk kelangsungan hidup dengan mencari hasil hutan dan menangkap ikan.

Selama lebih 600 tahun, Orang Asli Semelai menghuni sekitar Tasik Bera dan bergantung sumber semula jadi ini. Antara kahanahan member pulangan kepada mereka termasuk ikan kelisa, baung dan tapah, manakala hasil hutan seperti batu kelulut dan madu lebah serta akar kayu seperti kacip fatimah dan tongkat ali.

Namun, ketiadaan 'sekatan' menyebabkan pengunjung bebas melakukan apa saja dalam kawasan tapak RAMSAR berkenaan, termasuk mengambil hasil hutan atau menangkap ikan dalam jumlah berlebihan, sehingga menyebabkan punca pendapatan Orang Asli setempat berkurangan.

Berikutan penjejasan habitat tanah bencah semakin berleluasa, penyelidik dan pihak pentadbir harus memahami proses dan kepentingan unik tanah bencah dalam mendefinisinya secara menyeluruh.

Pemantauan, penguatkuasaan dan keupayaan sumber manusia antara elemen penting dalam pengurusan tanah bencah.

Pengurusan dan penyelenggaraan ekosistem ini turut memerlukan kakitangan terlatih dan berpengalaman, selain kefahaman bersepadu terhadap proses biologi, kimia dan hidrologi habitat, di samping peruntukan bajet mencukupi. Akhirnya publisiti, pendidikan dan pembaitan semua pihak amat perlu khususnya bagi menerangkan kepentingan tapak RAMSAR kepada masyarakat supaya kewujudan dan kelangsungan kawasan ini dapat dikekalkan.

Perlu diketahui, kira-kira 40 peratus spesies seluruh dunia tinggal dan membiak di kawasan tanah bencah



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia